

GARIS PANDUAN

SKIM

GERAN PENYELIDIKAN

JANGKA PENDEK

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
PEJABAT PENGURUSAN DAN KREATIVITI PENYELIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
<http://www.research.usm.my>

Pengenalan

Geran Penyelidikan Jangka Pendek berfungsi untuk mempromosikan, menggalakkan dan menyokong aktiviti penyelidikan kakitangan universiti yang mengarah kepada pembangunan pengetahuan, penemuan idea dan penciptaan produk, perkhidmatan, proses dan/atau alatan baru. Dalam aktiviti penyelidikan dari geran ini, universiti akan merealisasikan misi dan visi untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam penyelidikan dan pendidikan.

Selain itu, Geran Penyelidikan Jangka Pendek menyokong projek Penyelidikan & Inovasi yang dapat menjana pengetahuan baru dalam sains asas dan penerapan strategik, dan membangunkan produk atau proses baru yang diperlukan untuk pembangunan dan pengkomesilan selanjutnya khusus dalam kluster penyelidikan. Ia juga bertujuan untuk menjana keupayaan dan kepakaran penyelidikan dalam negara.

Objektif

Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek diperkenalkan khusus untuk mencapai objektif berikut:

- i. Membiayai aktiviti penyelidikan sepenuhnya atau sebahagian untuk mewujudkan, mempromosikan, meningkatkan dan memelihara keutamaan Universiti Sains Malaysia sebagai institut utama pusat kecemerlangan dalam bidang yang terpilih.
- ii. Menyokong aktiviti penyelidikan jangka pendek yang dianggap penting dan menyokong aktiviti pengajaran daripada geran ini.
- iii. Membantu dalam perkembangan pengetahuan, proses, teknik, produk atau peralatan yang baru.
- iv. Meningkatkan kerjasama antara kakitangan universiti dan industri.
- v. Mempromosikan pembangunan sumber manusia dalam R&D.

Kriteria Permohonan

- i. Terbuka kepada semua staf USM pada grad 41 hingga 54 yang tempoh lantikan di USM kurang daripada lima (5) tahun kecuali bagi staf daripada Sains Perubatan dan Sains Pergigian (DU/DUG), tempoh lantikan ialah kurang dari sepuluh (10) tahun termasuk yang belum disahkan dalam jawatan dan juga berstatus kontrak. Staf kontrak perlu memohon bersama dengan penyelidik bersama yang bertaraf tetap, yang akan mengambil alih semua tanggungjawab penyelidik utama apabila staf kontrak menamatkan perkhidmatan di USM.
- ii. Bagi staf akademik, geran ini hanya ditawarkan kepada staf baru manakala bagi staf bukan akademik, keutamaan akan diberikan kepada staf yang mempunyai rekod penerbitan dalam jurnal berindeks dan perlu mempunyai Penyelidik Bersama dari kalangan staf akademik yang bertaraf tetap. Tiada vot 11000 dibenarkan untuk staf bukan akademik.

- iii. Penyelidik yang pernah berjaya mendapat Geran Jangka Pendek sebelum ini tidak layak memohon untuk kali kedua.
- iv. Setiap permohonan perlulah ada sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama dari USM.
- v. Semua pemohon perlu mempunyai *Research ID*, *Authot ID* dan *ORCID* untuk memohon Geran Penyelidikan Jangka Pendek.
- vi. Terhadap kepada satu (1) geran untuk setiap individu.
- vii. Hanya staf akademik yang berstatus taraf rekod AKTIF sahaja boleh memohon, manakala pensyarah berstatus ASHES atau sedang dalam Cuti Sabatikal atau di bawah kategori tidak aktif yang lain tidak layak untuk memohon.
- viii. Penyelidik dibenarkan menghadiri **1(satu)** persidangan sahaja sama ada dalam atau luar negara dengan syarat peruntukan bagi Vot 21 adalah mencukupi. Namun begitu, keutamaan diberikan kepada negara ASEAN dan kertas kerja yang dibentangkan dapat diterbitkan dalam prosiding/jurnal berindeks ISI/SCOPUS/ERA.
- ix. Penyelidik dibenarkan untuk menghadiri persidangan pada tahun kedua sahaja.
- x. Sebarang tuntutan boleh dibuat berasaskan kelayakan penyelidik.

Kitaran Permohonan Baru Tahun 2020

Kitaran	Tarikh akhir penghantaran permohonan ke RCMO	Tarikh Penilaian
Fasa 1	15 Mac 2020	16 Mac – 30 April
Fasa 2	15 Jun 2020	16 Jun – 31 Julai
Fasa 3	15 September 2020	16 September – 31 Oktober
Fasa 4	31 Disember 2020	1 Januari 2021 – 31 Januari 2021

Siling Permohonan

Peruntukan maksimum Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek adalah sebanyak **RM40,000.00**.

Tempoh Penyelidikan

- i. Tempoh pelaksanaan Skim Geran Penyelidikan Jangka Pendek adalah dari **12 bulan hingga 24 bulan**.
- ii. Penyelidik Utama perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan kertas cadangan penyelidikan (proposal).

- iii. Sekiranya Penyelidik Utama memerlukan perlanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Penyelidik Utama perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi dan keperluan perlanjutan beserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan RCMO.
- iv. Tempoh perlanjutan maksimum yang dibenarkan adalah selama **12 bulan sahaja**. Penyelidik Utama bertanggungjawab untuk membuat permohonan perlanjutan dengan mengisi borang HEPG **3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh geran**.
- v. Justifikasi perlanjutan tempoh yang **TIDAK BOLEH** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
 - Penerbitan artikel jurnal, buku dan lain-lain;
 - Menghadiri persidangan (dalam dan luar negara);
 - Membayar gaji Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA);
 - Membuat perolehan harta modal di akhir projek penyelidikan;
 - Membelanjakan baki peruntukan penyelidikan; atau
 - Sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.
- vi. Permohonan yang dikemukakan lewat iaitu hampir dengan tarikh akhir projek atau selepas tarikh akhir projek tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan RCMO.

Peraturan Kewangan

Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan.

Peruntukan dana adalah dalam Vot Kawalan dan hanya membenarkan Vot seperti dibawah sahaja:

Vot	Definisi	Catatan
Vot 11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja.	1. Kadar elaun RM720.00/bulan minimum ataupun maksimum RM1100.00/bulan (Tidak termasuk KWSP/SOCSO). 2. Pindaan Vot 11000 tidak dibenarkan kepada mana-mana Vot tetapi dibenarkan tambahan daripada Vot lain. (Tidak dibenarkan untuk Staf Bukan Akademik).
Vot 14000 (Elaun Lebih Masa)	Bayaran untuk elaun lebih masa.	

Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	Perjalanan bagi tujuan kerja lapangan dan menghadiri persidangan/seminar/ bengkel dalam dan luar negara.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Maksimum peruntukan dibenarkan hanya RM3000 iaitu RM1000 untuk kerja lapangan dan RM2000 untuk persidangan. 2. Pembentangan oral sahaja dibenarkan untuk persidangan di luar negara. Hanya 1(satu) penyelidik sahaja dibenarkan untuk menghadiri persidangan. 3. Pindaan Vot tambahan ke Vot 21000 adalah tidak dibenarkan.
Vot 22000 (Pengangkutan Barang-barang)	Pebelanjaan untuk mengangkut, mengendali dan menjaga semasa memindah barang-barang.	
Vot 23000 (Perhubungan dan Utiliti)	Perbelanjaan bagi penggunaan telefon, faks, pos dan lain lagi yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	
Vot 24000 (Sewaan)	Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	
Vot 26000 (Bekalan Bahan Penyelenggaraan dan Pembaikan)	Perbelanjaan bagi bahan penyelenggaraan dan pembaikan aset dan tidak termasuk kos pengangkutan.	
Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.	
Vot 28000 (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan penyelidikan 2. Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan. 	
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	<p>Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultasi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll.</p> <p>Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran penerbitan dll.</p>	Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama tidak dibenarkan.

Vot 35000 (Peralatan dan Aksesori)	Pembelian alatan dan aksesori untuk penyelidikan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak melebihi 40% dari jumlah keseluruhan peruntukan projek. 2. Perlu kemukakan senarai justifikasi dan sebut harga bagi setiap alatan. 3. Pihak Universiti boleh mengagihkan semula peralatan yang diluluskan di bawah geran penyelidikan seandainya terdapat penyelidik lain yang memerlukan peralatan tersebut selepas projek tamat.
Vot 52000 (Bayaran-bayaran lain)	Perbelanjaan lain seperti caj bank, pembaharuan lesen perisian dan cukai.	

Penyelidik Utama diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah **diluluskan mengikut *Vot sahaja***. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Penyelidik Utama. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT**.

Setiap pembelian aset/inventori perlu melalui PTJ (setiap aset/inventori di PTJ adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Aset PTJ) untuk tujuan penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan rekod PTJ.

Buku Syarat dan Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti boleh dimuat turun melalui pautan http://www.research.usm.my/Buku_Kewangan/Pengurusan_Kewangan_Penyelidikan.pdf sebagai panduan untuk mentadbir kewangan geran. Makluman dan hebahan semasa RCMO berkaitan perbelanjaan dan pengurusan geran juga adalah berkaitan.

Pemantauan

- i. Laporan kemajuan mestilah dikemukakan setiap enam bulan dari tarikh geran bermula, iaitu pada bulan ke-6, ke-12 dan ke-18.
- ii. Pertimbangan untuk penyaluran peruntukan tahun kedua tertakluk pada prestasi perbelanjaan melebihi 70% daripada peruntukan tahun pertama.

Penutupan/ Penamatan Geran

- i. Hasil penyelidikan mestilah dalam bentuk penerbitan jurnal berindeks dan mestilah **merakamkan penghargaan kepada Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia beserta nombor akaun/rujukan geran dicatatkan pada *acknowledgement* penerbitan** yang dihasilkan, jika tiada sebarang penghargaan maka ia tidak akan diambil kira sebagai *output* geran tersebut. Nama Universiti juga perlu ditulis dengan penuh/lengkap iaitu 'Universiti Sains Malaysia'.
- ii. Penerbitan yang akan diterima sebagai hasil penyelidikan adalah seperti berikut:
 - Jurnal *Web of Science-(WoS)* bagi Bidang Sains.
 - Jurnal *Web of Science-(WoS)/Scopus/ERA* bagi Bidang Bukan Sains.
- iii. Penyelidik dikehendaki mengemukakan laporan akhir mengikut format yang telah disediakan bersama dengan **salinan manuskrip hasil penyelidikan dan dokumen-dokumen berkaitan seperti salinan surat serahan *thesis* pelajar serta borang serahan aset/inventori yang dibeli** menggunakan geran ini.
- iv. Semua pembelian aset/inventori perlu diisytihar dan dikembalikan (melalui **Borang Penyerahan Aset/Inventori dan salinan Kew.PA-2/Kew.PA-3**) sebagai alatan guna sama yang diletakkan di bawah pengawasan PTJ masing-masing dan merupakan hak milik USM.
- v. Bagi pertukaran lokasi alatan/pelupusan/kehilangan harta yang telah didaftarkan di bawah PTJ semasa pembelian/perolehan melalui peruntukan projek/geran perlulah melalui prosedur semasa Universiti melalui Jabatan Bendahari.
- vi. Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran juga akan menjejaskan permohonan baru Geran Dalaman Universiti pada masa depan. **Penyelidik juga berkemungkinan besar disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.**
- vii. Penyelidik Utama, Penyelidik Bersama dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan/Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia

